

29 JUN 2001

INTRAKOTA SEDIA BEKERJASAMA UNTUK ATASI MASALAH LALUAN BAS

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Intrakota Komposit Sdn Bhd, konsortium yang menyediakan perkhidmatan bas metropolitan, bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengatasi masalah laluan bas di sekitar Lembah Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu Zainuddin Fathodin berkata demikian ekoran kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas setelah Intrakota mengumumkan keputusannya untuk memberhentikan perkhidmatannya bagi 16 laluan bas di Lembah Klang berkuatkuasa 15 Julai.

Dr Mahathir telah dilaporkan berkata bahawa kerajaan akan memastikan yang keputusan Intrakota untuk berhenti melalui 16 laluan itu bukan kerana ia kerugian wang akibat tidak cekap.

Katanya kerajaan mengakui hakikat bahawa sebagai syarikat perniagaan, Intrakota tidak boleh diminta memberikan perkhidmatan kebajikan walaupun ketika ia kerugian wang disebabkan kadar penumpang yang rendah.

"Intrakota berterima kasih dan menghargai keperihatinan dan nasihat Perdana Menteri berhubung dengan perkhidmatan bas Intrakota," kata Zainuddin dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata Intrakota akur bahawa Dr Mahathir adalah perancang utama yang menyediakan wawasan perkhidmatan bas metropolitan yang canggih dalam usaha Malaysia menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Zainuddin berkata bagi mencapai matlamat wawasan itu strategi kerajaan ialah untuk menubuhkan hanya dua konsortium perkhidmatan bas bagi Bandaraya Kuala Lumpur dan bandar-bandar pinggir, dan telah mengiktiraf Intrakota dan Park May Bhd sebagai dua buah konsortium untuk memenuhi strategi itu.

-- BERNAMA
SR RV NMO